

Ketika kita masih lemah, Kristus telah wafat bagi orang-orang durhaka pada waktu yang ditentukan oleh Tuhan. Jarang sekali ada orang yang mahu mati untuk orang yang benar; tetapi mungkin untuk orang yang baik ada orang yang berani mati. Akan tetapi Tuhan menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah wafat untuk kita ketika kita masih berdosa.

Roma 5: 6-8

Jun 14, 2026

www.heraldmalaysia.com

VATIKAN: Dalam dunia yang semakin berdepan dengan perpecahan, konflik dan sikap individualistik, Sri Paus menggesa Gereja untuk menjadi tanda harapan dan perpaduan. Bapa Suci menegaskan bahawa semangat misi merupakan nadi kehidupan Gereja ketika beliau menerima audiens para peserta Perhimpunan Agung Persatuan-persatuan Misi Kepausan (*Pontifical Mission Societies*).

Dalam pertemuan pada Jun 1 itu, Bapa Suci merakamkan penghargaan atas dedikasi para pengarah kebangsaan dan petugas misi yang berusaha memupuk kesedaran misi dalam kalangan umat Katolik di seluruh dunia.

Beliau menyifatkan karya mereka sebagai satu pelayanan penting yang membantu Gereja melaksanakan amanat Kristus untuk mewartakan Injil kepada semua bangsa.

Sri Paus Leo mengingatkan bahawa misi bukanlah tugas segelintir individu atau komuniti tertentu, tetapi merupakan panggilan yang dikongsi oleh semua umat yang telah dibaptis.

Setiap orang Kristian, menurut beliau, dipanggil menjadi saksi kasih Tuhan melalui doa, pelayanan dan kesaksian hidup harian.

Beliau turut menekankan bahawa Gereja hanya dapat melaksanakan misinya dengan berkesan apabila umat hidup dalam kesatuan dengan Kristus.

Tema Hari Misi Sedunia 2026, "Satu dalam Kristus, Bersatu dalam Misi", mencerminkan hakikat bahawa persekutuan dengan Tuhan menjadi sumber kepada setiap usaha evangelisasi.

Bapa Suci mengajak umat agar tidak hanya memberi perhatian kepada keperluan

Gereja HIDUP



untuk BERMISI

komuniti sendiri, tetapi juga membuka hati kepada Gereja-gereja muda dan wilayah-wilayah yang masih memerlukan sokongan pastoral serta bantuan kewangan.

Sri Paus Leo juga mengiktiraf peranan Persatuan-persatuan Misi Kepausan dalam menyokong karya evangelisasi, pembentukan iman, pendidikan seminari serta ban-

tuhan kepada komuniti Kristian di pelbagai bahagian dunia.

Menurut beliau, melalui jaringan solidariti sejagat ini, umat Katolik dapat mengambil bahagian secara langsung dalam misi Gereja universal.

Mengakhiri pertemuan itu, Bapa Suci menyerahkan semua petugas misi, para

dermawan dan umat yang terlibat dalam karya evangelisasi kepada perlindungan Bunda Maria. "Gereja hidup untuk bermisi," tegas Sri Paus, sambil menggalakkan seluruh umat untuk terus menyokong usaha penyebaran Injil melalui doa, pengorbanan dan tindakan kasih yang nyata. **Media Vatikan**

Kunjungan Sri Paus ke Sepanyol: Bawa harapan kepada yang terabai

ROMA: Lawatan Sri Paus Leo XIV ke Sepanyol dianggap penting bukan sahaja dari sudut pastoral, malah dari segi sosial, kemanusiaan dan hubungan kemasyarakatan.

Media Vatikan menggambarkan sebagai perjalanan "dari institusi ke pinggir", yang mencerminkan visi kepausan beliau.

Kunjungan itu menunjukkan Gereja hadir bukan sahaja di pusat kuasa tetapi juga di pinggir. Sri Paus bertemu Raja Sepanyol, pemimpin kerajaan dan berucap di Parlimen Sepanyol.

Pada masa yang sama, beliau melawat

pusat migran, pertubuhan kebajikan, penjara dan komuniti yang terpinggir.

Ini menunjukkan bahawa misi Gereja tidak terhad kepada institusi, tetapi turut menjangkau mereka yang memerlukan perhatian dan belas kasihan.

Kemuncak lawatan ialah kunjungan ke Kepulauan Canary, salah satu laluan utama migran dari Afrika ke Eropah.

Dengan bertemu para migran dan organisasi yang membantu mereka, Sri Paus menghantar mesej bahawa setiap manusia mempunyai martabat yang perlu dihormati

dan dilindungi.

Sepanyol mempunyai sejarah Katolik yang panjang, namun berdepan cabaran sekularisasi dalam beberapa dekad kebelakangan ini.

Lawatan Sri Paus telah memberi dorongan kepada umat Katolik tempatan, khususnya golongan muda, untuk terus menghidupi iman mereka dalam masyarakat moden.

Kunjungan itu memperlihatkan Sri Paus Leo sebagai Paus pertama yang berucap di Parlimen Sepanyol.

Ini memberikan peluang kepada beliau untuk menyentuh isu-isu seperti perpaduan sosial, maruah manusia, migrasi, keamanan dan tanggungjawab bersama dalam membina masyarakat yang lebih adil.

Sri Paus juga merasmikan Menara Yesus Kristus di Basilika *Sagrada Familia* sempena ulang tahun ke-100 kematian arkitek terkenal Antoni Gaudí. Acara ini memperlihatkan hubungan erat antara seni, budaya dan iman Katolik yang telah membentuk identiti Sepanyol selama berabad-abad. **Media Vatikan**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu, ditarik ke dalam kehidupan persekutuan Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026. Ajarlah kami untuk mendengar dengan mendalam, untuk menilai dengan setia, dan untuk mempercayai ke mana Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami, agar mereka menjadi tempat cinta, iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami, agar kami dapat berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan saksi yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi dengan rasa hormat, tanggungjawab, dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam komuniti, agar kami dapat mencari keadilan, mempromosikan keamanan, dan berdiri dalam solidariti dengan yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir daripada pertimbangan kami, semoga ia memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bunda Gereja, yang merenungkan Firman-Mu dan berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam Kristus, penuh perhatian terhadap satu sama lain, dan terbuka kepada karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu kami hidup dengan lebih setia sebagai satu Gereja Katolik Malaysia, melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Memanggil hati yang lebih mulia

Saya dibesarkan di sebuah kawasan luar bandar yang kebanyakan penduduknya merupakan pendatang generasi pertama atau kedua.

Kehidupan kami tidaklah mewah. Kebanyakan keluarga hidup dalam keadaan serba kekurangan, berdepan masalah kewangan dan turut bergelut untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi juga amat terhad. Ramai rakan sebaya saya terpaksa berhenti sekolah selepas Tingkatan Dua bagi membantu menyara keluarga, manakala melanjutkan pelajaran ke universiti bukanlah sesuatu yang biasa atau menjadi cita-cita dalam kebanyakan keluarga ketika itu.

Namun terdapat sebuah keluarga dalam komuniti kami yang agak berbeza. Mereka hidup lebih selesa dari segi ekonomi dan beberapa ahli keluarga mereka berjaya melanjutkan pelajaran hingga menjadi profesional dalam pelbagai bidang.

Mereka boleh dianggap sebagai keluarga yang lebih berada dan peluang yang lebih luas berbanding orang lain.

Tetapi mereka tidak pernah menunjukkan atau memandang rendah terhadap orang lain.

Sebaliknya, mereka menggunakan kelebihan yang dimiliki untuk membantu masyarakat sekeliling.

Salah seorang anak mereka menjadi guru di sekolah tempatan, manakala keluarga itu juga menyediakan dan menguruskan gelanggang *curling* untuk kegunaan komuniti setiap musim sejuk selama beberapa tahun. Mereka dihormati dan dikagumi oleh ramai orang.

Pada suatu hari, salah seorang anak lelaki keluarga tersebut sedang duduk bersama beberapa pemuda.

Mereka berbual santai sambil menikmati minuman dan bergurau senda. Tiba-tiba, pemuda itu melontarkan satu kenyataan yang jelas berbaur perkauman.

Suasana terus menjadi sunyi dan janggal. Kemudian seorang daripada mereka



berkata dengan nada lembut, "Saya agak terkejut mendengar awak berkata begitu. Keluarga awak begitu dihormati. Kami semua memandang tinggi kepada awak. Kata-kata itu tidak mencerminkan diri awak yang sebenar."

Pemuda itu segera tersedar akan kesilapannya. "Betul juga kata awak. Saya minta maaf. Saya sendiri tidak tahu mengapa saya berkata begitu. Itu memang kata-kata yang tidak patut saya ucapkan."

Saya dapat membayangkan betapa berbezanya keadaan jika dia ditegur dengan kata-kata yang keras seperti, "Awak seorang rasis! Macam mana awak boleh cakap begitu?"

Apabila kita menegur orang lain dengan kemarahan dan kecaman, kesannya sering membuat mereka menjadi lebih bersikap mempertahankan diri.

Mereka berasa diserang, dipermalukan dan dihukum. Akibatnya, mereka mungkin semakin berkeras mempertahankan pandangan mereka daripada mengubahnya.

Jurang antara kita semakin melebar, sedangkan tujuan sebenar teguran ialah membantu seseorang menjadi insan yang lebih baik.

Kita sebenarnya perlu saling menggalakan dan mendorong satu sama lain untuk menjadi insan yang lebih baik.

Persoalannya, apakah sisi yang terbaik dalam diri manusia?

Beberapa penulis Kristian awal yang dikenali sebagai Bapa Gereja pernah mengemukakan pandangan bahawa setiap manusia memiliki dua kecenderungan dalam hati dan peribadinya.

Dalam diri setiap orang terdapat hati yang besar, murah hati, mulia dan sanggup berkorban untuk orang lain. Namun pada masa yang sama, terdapat juga hati yang terluka, sempit, mudah tersinggung dan mementingkan diri sendiri.

Pada bila-bila masa, kita boleh bertindak berdasarkan salah satu daripada dua kecenderungan itu.

Kita mampu menjadi insan yang berjiwa besar, tetapi kita juga mampu menjadi kecil hati dan mementingkan diri.

Malah, keadaan itu boleh berubah dalam tempoh yang sangat singkat bergantung kepada apa yang sedang kita hadapi dalam hidup.

Bayangkan suatu pagi anda bangun dengan hati yang tenang, penuh kasih dan keinginan untuk berbuat baik.

Pada saat itu, fikiran dan hati anda lebih terbuka kepada rahmat Tuhan dan mencerminkan hati Kristus. Kemudian anda pergi bekerja dan seseorang melayan anda dengan dingin atau menyindir anda.

Dalam sekelip mata, semuanya boleh berubah. Anda tidak lagi berfikir dengan hati Kristus. Bahagian diri yang terluka dan kecil hati mula menguasai diri. Kehangatan

dan sikap memahami hilang, digantikan dengan rasa kecewa, marah dan sakit hati.

Sekarang bayangkan keadaan yang sebaliknya.

Anda bangun pada suatu pagi dengan perasaan curiga, kecewa dan masih menyimpan luka lama.

Pada saat itu, anda tidak berada dalam keadaan rohani yang baik. Kemudian apabila tiba di tempat kerja, seorang rakan sekerja menyapa anda dengan mesra dan memberitahu betapa dia menghargai persahabatan serta sumbangan anda.

Hanya dalam satu minit, sesuatu berubah. Kebaikan yang ada dalam diri mula menyerlah kembali.

Kebaikan, kemurahan hati dan rasa syukur muncul semula. Anda tiba-tiba terdorong untuk menjadi insan yang lebih baik. Hati yang sebelumnya dipenuhi kepahitan bertukar menjadi hati yang penuh penghargaan dan belas kasihan.

Hari ini kita hidup dalam dunia yang semakin berpecah-belah. Banyak isu menimbulkan pertentangan yang tajam dan sering mengundangi sisi diri kita yang terluka, curiga dan defensif untuk muncul.

Oleh itu, kita perlu mempelajari pendekatan komunikasi yang lebih berhemah dan membina. Kita perlu belajar melihat serta mengiktiraf kebaikan yang masih ada dalam diri orang lain, kemudian mengajak mereka untuk hidup menurut nilai-nilai terbaik yang ada dalam diri mereka.

Daripada saling melabel, menghina dan menyerang dengan slogan-slogan yang memecah-belahkan, mungkin kita perlu berkata:

"Saya agak terkejut mendengar awak berkata begitu. Awak seorang yang baik. Ramai orang menghormati awak. Kata-kata itu tidak mencerminkan diri awak yang sebenar."

Undangan seperti itu mungkin mampu mencairkan sedikit kekerasan dan keseksaan yang sering menyelubungi hati manusia. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026@Fr Ron Rolheiser**

Diutus untuk membawa harapan

Bacaan hari ini mengingatkan kita bahawa Tuhan sentiasa memandang manusia dengan kasih dan belas kasihan.

Dalam bacaan pertama (Kel 19:2-6), Tuhan berfirman kepada bangsa Israel bahawa mereka adalah umat pilihan-Nya, "harta kesayangan-Ku sendiri" dan "kerajaan imam serta bangsa yang kudus."

Pilihan ini bukan kerana mereka sempurna, tetapi kerana kasih Tuhan yang setia.

Setelah membebaskan mereka daripada perhambaan di Mesir, Tuhan mengundang mereka untuk hidup dalam perjanjian kasih bersama-Nya.

Pilihan itu juga membawa tanggungjawab, iaitu menjadi saksi kehadiran Tuhan

di tengah-tengah bangsa-bangsa lain.

Demikian juga dalam hidup kita. Melalui pembaptisan, kita dipanggil menjadi milik Tuhan dan membawa cahaya Kristus kepada dunia. Kita bukan sekadar penerima berkat, tetapi juga utusan yang dipanggil untuk berkongsi kasih, damai dan pengharapan dengan orang lain.

Dalam bacaan kedua (Rm 5:6-11), Santo Paulus mengingatkan bahawa Kristus telah mati untuk kita ketika kita masih berdosa.

Kasih Tuhan tidak menunggu kita menjadi baik terlebih dahulu. Sebaliknya, Tuhan datang mencari, menyelamatkan dan mendamaikan kita dengan-Nya.

Salib Kristus menjadi bukti bahawa kasih

Tuhan lebih besar daripada kelemahan dan dosa manusia.

Setiap kali kita merasa tidak layak atau terlalu jauh daripada Tuhan, kita harus mengingati bahawa kasih-Nya sentiasa mendahului pertobatan kita. Tuhan mengasihi kita bukan kerana apa yang telah kita lakukan, tetapi kerana siapa kita di mata-Nya — anak-anak yang dikasihi.

Dalam Injil (Mat 9:36 – 10:8), Yesus melihat orang ramai dan hati-Nya tergerak oleh belas kasihan kerana mereka "lelah dan terlantar seperti domba yang tidak bergembala."

Belas kasihan Yesus bukan sekadar perasaan simpati. Ia mendorong-Nya bertindak. Lalu Dia mengutus kedua belas rasul untukewartakan Kerajaan Tuhan, menyembuhkan yang sakit dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan.

Kata-kata Yesus, "Tuaiannya memang banyak, tetapi pekerja sedikit," masih relevan pada zaman ini.

Ramai orang sedang mencari makna hidup, mengharapkan penghiburan dan memerlukan sentuhan kasih Tuhan. Namun, siapakah yang akan pergi kepada mereka?

Yesus memanggil setiap orang beriman untuk menjadi pekerja di ladang-Nya. Kita mungkin tidak mampu melakukan perkara besar, tetapi penyuman, kata-kata yang menguatkan, kesediaan mendengar dan

HARI MINGGU BIASA KE-11
TAHUN A

KELUARAN 19: 2-6;
ROMA 5:6-11;
INJIL MATIUS 9: 36 - 10:8

bantuan yang ikhlas juga merupakan bentuk pewartaan Injil.

Dunia hari ini penuh dengan orang yang haus akan kasih, perhatian dan pengharapan. Mungkin mereka berada dalam keluarga kita, tempat kerja, sekolah atau komuniti. Sebagai murid Kristus, kita dipanggil menjadi pekerja di ladang Tuhan dengan menunjukkan kasih, kesabaran dan belas kasihan kepada sesama.

Tidak semua orang dipanggil menjadi paderi, biarawan atau biarawati, tetapi setiap orang Kristian dipanggil menjadi saksi kasih Tuhan melalui kata-kata dan perbuatan.

Marilah kita berdoa agar hati kita semakin menyerupai hati Yesus yang penuh belas kasihan.

Semoga kita sentiasa menyedari bahawa kita adalah umat pilihan yang dikasihi Tuhan dan diutus untuk menjadi pembawa harapan kepada dunia.

Dengan pertolongan Roh Kudus, semoga hidup kita menjadi saluran kasih Kristus, supaya lebih ramai orang dapat mengalami keselamatan, damai dan sukacita yang datang daripada Tuhan. **Fr Gabriel Kristanto**



Guru dipanggil membentuk hati dan minda generasi muda

KUALA LUMPUR: Pendidik Kristian daripada pelbagai denominasi berhimpun dalam semangat iman dan perpaduan sempena Hari Guru Kristian yang diadakan di Sekolah Antarabangsa Stella Maris pada Mei 16 lalu.

Program tahunan itu dianjurkan oleh Persatuan Guru Kristian (CTAM) dengan kerjasama Majlis Sekolah Kristian Malaysia (MCSK) dan Persekutuan Guru Kristian Malaysia (MCF).

Acara tersebut diadakan bagi menghargai dedikasi dan peranan para pendidik Kristian dalam pembentukan insan dan pembangunan negara.

Sambutan dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Agung Kuala Lumpur, Julian Leow, bersama Fr Alvin Ho, diikuti

dengan sesi sarapan pagi bersama para pendidik dan ahli persatuan yang hadir.

Dalam ucapan beliau, Uskup Agung Julian mengajak para hadirin untuk merenungkan panggilan seorang guru yang bukan sahaja mendidik minda, tetapi turut membentuk hati dan jiwa generasi muda.

“Guru ialah nadi kepada sebuah bangsa. Kekuatan negara bergantung pada nilai, teladan dan pendidikan yang disampaikan oleh para guru,” katanya.

Prelatus itu menegaskan bahawa para pendidik memainkan peranan penting dalam membentuk bukan sahaja pencapaian akademik pelajar, tetapi juga karakter, nilai moral dan kehidupan rohani mereka. Dalam dunia yang semak-

in kompleks, guru dipanggil untuk menjadi pembimbing yang membantu generasi muda mengenali kebenaran, membina integriti dan hidup berasaskan nilai-nilai murni.

Selepas Misa, para peserta menghadiri sesi ceramah yang disampaikan oleh Nelson Rengamathan, Pensyarah Kanan Pusat Pendidikan Teknikal dan Vokasional Asia Pasifik (UNEVOC).

Dalam perkongsiannya, Nelson menekankan transformasi peranan seorang pendidik sebagai mentor yang membentuk iman, nilai dan pembelajaran secara menyeluruh.

Menurut beliau, guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga menjadi saksi kehidupan yang mampu mempengaruhi perkembangan intelektual, emosi, moral dan rohani para pelajar.



Sambutan tersebut diteruskan dengan pelbagai aktiviti yang menggalakkan interaksi dan persahabatan dalam kalangan peserta, antaranya permainan *Bible Charades*, teka silang kata Kitab Suci, permainan “*Faith Relay*” serta kuiz Bible.

Beberapa anugerah turut disampaikan bagi menghargai kreativiti dan usaha para peserta, termasuk

anugerah Pasukan Terbaik, Semangat Berpasukan Terbaik, Pasukan Paling Kreatif dan Pasukan Berpakaian Terbaik.

Acara tersebut diakhiri dengan sesi persekutuan makan tengah hari yang memberi peluang kepada para pendidik untuk berkongsi pengalaman, memperkukuhkan hubungan dan membina jaringan kerjasama yang lebih erat.

Menyelami lautan Kerahiman Tuhan di Kuala Penyu

KUALA PENYU: Seramai 110 peserta dari paroki St Peter Kuala Penyu dan beberapa peserta dari paroki Beaufort, Membakut dan Sipitang telah menyertai Retret Kerasulan Devosi Kerahiman Ilahi yang diadakan di Dewan Gereja St Peter Bundu Kuala Penyu.

Retret yang diadakan selama tiga hari itu bermula pada Mei 15 hingga 17, dikendalikan sepenuhnya oleh Fr Bede Morti Lamutan bersama Kongregasi Puteri Karmel dan Carmelite Santi Elia (CSE) dari Pertapaan Kaingaran.

Retret dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Bede. Kemudian, Sr Dominica memulakan sesi pertama pada malam itu dengan ceramah yang bertajuk “Kerahiman Ilahi.”

Kerahiman bermaksud



pengampunan dan belas kasih.

Tuhan yang setia adalah Tuhan yang berbelas kasih yang tidak pernah meninggalkan umat-Nya. Kita sebagai umat Tuhan adalah saksi-saksi kerahiman Tuhan.

Pada hari kedua, Fr Bosco CSE memperkenalkan para peserta kepada *Misericordiae Vultus* (Wajah Kerahiman), dokumen yang diterbitkan oleh Sri Paus

Fransiskus sempena Tahun Suci Kerahiman.

Beliau turut menekankan bahawa mesej utama dokumen tersebut ialah Yesus Kristus merupakan Wajah Kerahiman Tuhan, yang melalui kehidupan, wafat dan kebangkitan-Nya telah menyingkapkan kasih serta belas kasihan Tuhan kepada seluruh umat manusia.

Sesi seterusnya bertajuk Sarana-sarana dalam Gereja yang disampaikan oleh Sr Salverinam Regina membawa peserta memahami betapa Kerahiman Ilahi merupakan Kasih Tuhan yang tanpa batas kepada manusia berdosa.

Sesi berikutnya yang disampaikan oleh Bro Terence Maria CSE bertajuk “Buah-buah kerahiman

Tuhan” membawa para peserta menyelami keindahan Devosi Kerahiman Ilahi yang terus mengubah dan memperbaharui kehidupan umat beriman.

Beliau menjelaskan bahawa kerahiman Tuhan bukan sekadar konsep atau ajaran, tetapi satu pengalaman kasih yang hidup dan nyata.

Hari ketiga retret membuka lembaran terakhir perjalanan rohani para peserta.

Selepas Misa Kudus Hari Minggu, Sr Dominica menyampaikan sesi bertajuk “Bapa yang Baik Hati,” yang membawa para peserta menyelami kasih Tuhan yang tidak bertepi, kasih seorang Bapa yang sentiasa menerima, mengampuni dan memeluk anak-anak-Nya dengan penuh belas kasihan. **Stella Eming Dydimus**



Sukacita menyambut baptisan baharu

KOTA KINABALU: Dalam suasana yang dipenuhi sukacita Pentakosta dan semangat persaudaraan Kristian, Jamuan Kesyukuran Baptisan Baharu 2026 telah diadakan bagi meraikan serta mengutus para baptisan baharu yang telah menerima Sakramen Pembaptisan pada Malam Paskah dan Hari Paskah yang lalu.

Majlis yang penuh bermakna itu menjadi detik istimewa buat seluruh komuniti umat apabila mereka berkumpul sebagai satu keluarga iman untuk menyambut

kehadiran saudara-saudari baharu yang kini secara rasmi menjadi anggota Tubuh Kristus.

Lebih daripada sekadar sebuah jamuan atau pertemuan sosial, perayaan tersebut merupakan ungkapan syukur atas karya keselamatan Tuhan yang terus hidup dan bertumbuh dalam Gereja melalui penerimaan anggota baharu.

Penerimaan Sakramen Pembaptisan pada perayaan Paskah lalu menandakan kelahiran baharu para baptisan dalam Kristus,

sebagai anak-anak Tuhan yang diutus untuk hidup dalam iman dan kasih-Nya.

Lebih istimewa lagi, jamuan ini diadakan bersempena Hari Raya Pentakosta, iaitu perayaan yang memperingati pencurahan Roh Kudus ke atas para rasul.

Sebagaimana Gereja lahir melalui kuasa Roh Kudus pada hari Pentakosta, para baptisan baharu juga diutus untuk menjadi sebahagian daripada misi Gereja dalamewartakan Khabar Baik kepada dunia.

Perkahwinan: Panggilan seumur hidup

MEMBAKUT: Seramai 23 pasangan suami isteri menyertai Seminar Penyegaran Perkahwinan di Dewan Tertutup Paroki St Patrick, Membakut pada Mei 9, 2026 bagi memperbaharui komitmen mereka dalam kehidupan berkeluarga Kristian.

Seminar anjuran Komiti Kerasulan Hidup Keluarga Kristian Katolik (KKHKK) Paroki St Patrick itu menghimpunkan pasangan yang telah mendirikan rumah tangga

selama dua tahun atau lebih untuk memperbaharui komitmen mereka terhadap sakramen perkahwinan.

Seminar itu dikendalikan oleh Fr Dr Charles Chiew. Fr Dr Charles menekankan bahawa perkahwinan bukan sekadar ikatan antara dua individu, tetapi satu panggilan suci yang menuntut kesetiaan, pengorbanan, kesabaran dan komitmen yang berterusan.

Peter Paulus



Sahabat kecil Yesus

MARI MEWARNA



Anak-anak yang dikasihi,

Apa khabar?
 Dalam Injil hari ini (Mat 9:36-10:8), Yesus melihat ramai orang yang letih, sedih dan memerlukan pertolongan.

Hati Yesus dipenuhi belas kasihan kerana Dia sangat mengasihi mereka.

Yesus tidak mahu sesiapa berasa sendirian atau tidak disayangi.

Kemudian, Yesus memilih dua belas rasul untuk membantu-Nya membawa Khabar Baik kepada semua orang.

Mereka dipanggil untuk mengajar, berdoa, membantu orang sakit dan menunjukkan kasih Tuhan kepada sesiapa sahaja yang mereka temui.

Tahukah anak-anak bahawa dalam bacaan pertama (Keluaran 19:2-6), Tuhan memberitahu umat Israel bahawa mereka adalah umat pilihan-Nya yang istimewa?

Tetapi menjadi umat pilihan Tuhan bukan

bermaksud mereka lebih hebat daripada orang lain.

Tuhan memilih mereka supaya mereka dapat menunjukkan kasih dan kebaikan-Nya kepada semua orang. Tuhan mahu mereka menjadi cahaya yang membawa harapan kepada dunia.

Dalam bacaan kedua (Roma 5:6-11), kita belajar bahawa Yesus sangat mengasihi kita sehingga Dia sanggup menyerahkan nyawa-Nya di salib untuk menyelamatkan kita.

Kasih Yesus kepada kita tidak pernah berakhir. Anak-anak, kita juga dipanggil menjadi sahabat Yesus.

Walaupun kita masih kecil, kita boleh menunjukkan kasih Tuhan dengan berdoa, membantu ibu bapa dan berbuat baik kepada semua orang. Dengan cara itu, kita menjadi cahaya Tuhan di mana sahaja kita berada.

Salam Sayang
 Auntie Melly

Sahabat-Sahabat Yesus



ARAHAN: Tulis huruf yang hilang untuk melengkapkan nama para rasul Yesus.

- 1 S _ M _ N P _ T R _ S
- 2 A N D R _ A S
- 3 Y A K _ B U S A N A K Z E B E D E U S
- 4 Y _ H A N E S
- 5 F I L _ P U S
- 6 B A R T O L O M _ U S
- 7 T O M _ S
- 8 M A T I _ S
- 9 Y A K O B U S A N A K A L F _ U S
- 10 T A D _ U S
- 11 S I M O N O R A N G K A N _ N
- 12 Y U D A S I S K A R I _ T

CABARAN BONUS!

Cari dan bulatkan nama para rasul di bawah.

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| P | E | T | R | U | S | A | K | L | M | N |
| Y | O | H | A | N | E | S | T | R | W | P |
| F | I | L | I | P | U | S | Y | J | D | A |
| A | N | D | R | E | A | S | Q | T | A | S |
| T | O | M | A | S | K | J | H | G | F | E |
| T | A | D | E | U | S | P | O | I | U | Y |
| M | A | T | I | U | S | A | S | D | F | G |
| B | A | R | T | O | L | O | M | E | U | S |
| Y | A | K | O | B | U | S | L | K | J | H |

TAHUKAH KAMU?

- ♥ Petrus ialah ketua para rasul.
- ♥ Yohanes dikenali sebagai murid yang sangat dikasihi Yesus.
- ♥ Matius pernah menjadi pemungut cukai sebelum mengikut Yesus.
- ♥ Tomas digelar "Tomas yang ragu-ragu" kerana dia mahu melihat Yesus yang bangkit sebelum percaya.

Yesus memilih 12 orang rasul untuk membantu-Nya menyebarkan Khabar Baik.

BELIA

Dua paroki GABUNG ANJUR KONSERT PENTAKOSTA

PAPAR: Bagaikan lidah-lidah api yang turun ke atas para rasul pada hari Pentakosta, Konsert Pentakosta "Tongues of Fire" anjuran bersama paroki Holy Rosary Limbahau dan paroki St Joseph Papar telah membakar hati umat dengan semangat baharu, memenuhi ruang dengan pujian yang bergema, sukacita yang melimpah dan kesatuan yang semakin teguh dalam Kristus.

Lebih daripada sebuah persembahan muzik, konsert ini menjadi medan pertemuan antara iman dan bakat, memperlihatkan bagaimana Roh Kudus terus mencurahkan karunia-Nya serta membangkitkan semangat pelayan dalam kalangan umat Katolik masa kini.

Idea penganjurannya teretus daripada visi Fr Paul Lo, Rektor paroki Papar dan Limbahau, yang ingin melihat Gereja menjadi ruang yang lebih hidup, inklusif dan relevan, khususnya bagi golongan belia, melalui kuasa muzik yang mampu menyatukan hati dan mendekatkan jiwa kepada Tuhan.

Dengan tema "Tongues of Fire", konsert ini membawa mesej tentang kehadiran Roh Kudus yang membakar hati para rasul pada hari Pentakosta dan terus menghidupkan Gereja hingga hari ini.

Konsert ini telah menarik kehadiran kira-kira 500 umat pelbagai peringkat umur. Turut hadir dalam konsert ini ialah Fr Joshua Liew dan Fr Florian Marcus serta barisan Majlis Pastoral Paroki kedua-dua paroki.

Tim Pelayan Belia Paroki HRL dan



St Joseph, di bawah bimbingan pengarah program, Seminarian Bonnyface Stephen, hanya mempunyai tempoh kurang daripada sebulan untuk merancang dan merealisasikan konsert ini.

Walaupun masa persediaan amat singkat, semangat kerjasama, pengorbanan dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak telah membuahkan hasil yang sangat membanggakan.

Dengan berkat dan bimbingan Roh Kudus, mereka berjaya mempersembahkan konsert yang menyentuh hati dan meninggalkan kesan mendalam.

Konsert ini turut diserikan dengan persembahan pelbagai pelayan seperti CCR (Catholic Charismatic Renewal) Papar dan Kinuta serta Komuniti Tritunggal Mahakudus (KTM)

yang mempersembahkan lagu-lagu pujian dan penyembahan.

Setiap persembahan yang menghiasi pentas malam itu bukan hanya menghiburkan, tetapi menjadi nyalaan evangelisasi yang membakar hati para hadirin dengan semangat baharu bahawa mewartakan kasih Kristus melalui seni dan muzik serta terus mengingati Tuhan yang terus berbicara kepada umat-Nya melalui setiap bakat dan karunia yang dikurniakan oleh Roh Kudus.

Gereja bukan sekadar ruang untuk meraikan iman, tetapi medan di mana karunia-karunia Tuhan disebarkan menjadi cahaya yang menerangi dunia. Apabila bakat, kreativiti dan semangat pelayan disatukan dalam nama Kristus, lahirlah satu kesaksian

yang hidup — bahawa Roh Kudus terus menggerakkan umat-Nya untuk menjadi garam dan terang di tengah masyarakat.

Konsert ini juga membuktikan bahawa apabila umat bersatu hati dan menyebarkan usaha mereka kepada Tuhan, perkara yang kelihatan mustahil dapat direalisasikan dengan jayanya.

Ketika tirai program dilabuhkan, yang tinggal bukan sekadar kenangan sebuah malam yang meriah, tetapi keyakinan bahawa api Pentakosta masih terus menyala dalam hati umat. Api yang menyatukan, menguatkan dan mengutus mereka untuk menjadi saksi kasih Kristus di tengah dunia yang semakin memerlukan cahaya harapan. SOCCOM HRL

LIMBAHAU: Ketawa, nyanyian pujian, pelukan persahabatan dan doa yang mengalir dari hati ke hati memenuhi perkarangan Gereja Holy Rosary Limbahau apabila lebih ramai belia berhimpun untuk menyertai *Limbahau Youth Day* (LYD) 3.0 dari Mei 27 hingga 29 lalu.

Namun, program selama tiga hari itu bukan sekadar sebuah perkhemahan belia atau pertemuan biasa.

Ia menjadi ruang di mana ramai peserta menemui semula identiti mereka sebagai anak-anak Tuhan, membina persahabatan baharu dan mengalami sentuhan kasih Kristus secara lebih peribadi dan mendalam.

Mengangkat tema seperti "Welcoming and Belonging," "Rooted" dan "Encountering Victory," LYD 3.0 membawa para peserta melalui satu perjalanan rohani yang mengajak mereka mengalami penerimaan, berakar dalam iman dan melangkah dengan keyakinan sebagai pengikut Kristus.

Sejak hari pertama, suasana penuh kemeriahan dan keterbukaan sudah dapat dirasakan.

Melalui sesi pujian dan penyembahan, aktiviti interaktif serta Misa Pembukaan,

TIGA HARI YANG MENGUBAH HATI BELIA



para peserta disambut bukan sebagai orang asing tetapi sebagai sebuah keluarga iman yang berkumpul di bawah kasih Tuhan yang sama.

Malam *Welcoming Night* pula menjadi detik yang memecahkan segala rasa malu dan kekok. Gelak tawa, nyanyian dan perkongsian yang berlaku membuka ruang untuk para peserta mengenali satu sama lain dengan lebih dekat.

Dalam dunia yang sering membuat

golongan muda berasa terasing dan tidak dihargai, malam tersebut menjadi peringatan bahawa mereka mempunyai tempat dalam Gereja serta diterima sebagaimana adanya.

Hari kedua membawa para peserta kepada pengalaman yang lebih mendalam melalui tema "Rooted."

Melalui sesi "Word That Still Speaks" dan perkongsian Kitab Suci, para belia diajak untuk melihat bahawa sabda Tuhan bu-

kan sekadar kisah masa lampau, tetapi firman yang terus berbicara kepada kehidupan mereka hari ini.

Kemuncak hari kedua hadir melalui sesi "Cinta Kasih Tuhan yang menyelamatkan" dan Doa Penumpangan Tangan.

Dalam suasana yang hening dan penuh harapan, ramai peserta dilihat berdoa dengan penuh kesungguhan, menyerahkan segala kerisauan, impian dan masa depan mereka ke dalam tangan Tuhan.

Malam tematik yang menutup program pula menjadi pentas untuk para peserta mengekspresikan kreativiti, bakat dan kegembiraan mereka.

Lebih daripada sekadar sebuah program tahunan, LYD 3.0 menjadi tanda bahawa Roh Kudus terus bekerja dalam hati generasi muda.

Ketika program melabuhkan tirainya, para peserta pulang bukan hanya dengan gambar kenangan atau persahabatan baharu, tetapi dengan hati yang diperbaharui dan semangat yang dinyalakan kembali. **Kristianus Adeta**

Berita singkat antarabangsa

Pemimpin baharu Chaldean seru pertahankan tanah air

BAGHDAD: Patriark baharu Gereja Katolik Chaldean, Patriark Mar Paul III Nona, menyeru umat Kristian untuk terus kekal tinggal di Iraq dan Timur Tengah, sambil menegaskan bahawa tanah itu merupakan warisan iman yang telah berakar sejak zaman para rasul.

Beliau mengingatkan bahawa Iraq merupakan antara wilayah terawal yang menerima dan

mengembangkan ajaran Kristian. Oleh sebab itu, umat Kristian dipanggil untuk terus menjadi saksi harapan dan iman di tengah masyarakat yang berdepan pelbagai cabaran.

Tegasnya, "Kehadiran anda di sini merupakan satu misi yang amat bermakna dan menjadi kesaksian bahawa Gereja kita terus hidup dan bertahan di tanah asal." LICAS News

Umat harus teruskan tradisi perarakan Corpus Christi

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menggalakkan umat Katolik di seluruh dunia agar terus memelihara tradisi perarakan Tubuh dan Darah Kristus atau *Corpus Christi* sebagai satu kesaksian iman yang nyata di tengah masyarakat.

Seruan itu disampaikan ketika Audiensi Umum pada Jun 3, menjelang perayaan Tubuh dan Darah Kristus yang diraikan oleh Gereja sejagat minggu ini.

Menurut Sri Paus, perarakan

Sakramen Mahakudus yang diadakan di jalan-jalan bandar dan kampung merupakan satu ungkapan devosi Ekaristi yang indah dan telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan Gereja.

Beliau menggesa umat agar tidak membiarkan tradisi tersebut pudar, sebaliknya terus menghidupkannya sebagai tanda kesaksian awam terhadap iman kepada Kristus yang hadir dalam Ekaristi. Media Vatikan

Warga emas, penjaga khazanah iman

BANGKOK: Fr John Baptist Somkiat Trinikorn menggesa umat Katolik agar tidak memandang usia lanjut sebagai satu kelemahan.

Beliau menegaskan bahawa warga emas tetap memainkan peranan penting sebagai "penjaga khazanah kenangan, iman dan kebijaksanaan Gereja."

Mesej itu disampaikan kepada ratusan warga emas Katolik dari seluruh Keuskupan Agung Bangkok dalam satu perhimpunan di Baan Phu Waan, Samphan, baru-baru ini.

Warga emas merupakan anugerah yang perlu dihargai, dihormati dan disayangi.

Pada usia yang lanjut, mereka masih mempunyai panggilan besar daripada Tuhan untuk terus menjadi saksi iman, pembawa harapan dan sumber kebijaksanaan kepada generasi muda.

Pengalaman hidup, ketabahan menghadapi cabaran serta kesetiaan mereka dalam iman menjadi warisan berharga yang dapat membimbing keluarga, Gereja dan masyarakat. LICAS News

Ensiklik Sri Paus Leo pertahankan golongan tercicir

KERALA: Seorang uskup Katolik di India menegaskan bahawa pembangunan harus memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti pribumi yang sering terpinggir.

Uskup Vijayakumar Rayarala dari Keuskupan Srikakulam berkata ensiklik pertama Sri Paus Leo XIV mengingatkan bahawa kemajuan sejati tidak boleh diukur hanya melalui pertumbuhan ekonomi atau teknologi, tetapi mesti meng-

hormati martabat setiap insan. Beliau menegaskan bahawa masyarakat pribumi tidak boleh dikesampingkan dalam arus pembangunan.

Gereja juga dipanggil untuk mempertahankan hak, identiti dan maruah mereka agar tiada golongan yang tercicir daripada manfaat kemajuan.

Menurutnya, pembangunan yang benar ialah pembangunan yang mengutamakan manusia dan kesejahteraan bersama. LICAS News

Dialog Gereja dan Industri Teknologi Penting Untuk Masa Depan AI

VATIKAN: Ensiklik pertama Sri Paus Leo XIV, *Magnifica Humanitas*, dilihat sebagai panduan penting dalam pembangunan kecerdasan buatan (AI) yang beretika.

Taylor Black, Pengarah AI dan Ekosistem Usaha Niaga Microsoft, berkata dokumen itu membantu sektor teknologi memahami martabat dan nilai manusia dengan lebih mendalam.

Menurut beliau, AI tidak memahami manusia secara semula jadi, justeru pembangun

teknologi memerlukan asas moral dan kemanusiaan yang kukuh.

Beliau turut mengingatkan bahawa AI boleh mempengaruhi cara manusia berfikir jika maklumat diterima tanpa penilaian kritis.

Black menegaskan bahawa dialog antara Gereja dan industri teknologi penting bagi memastikan AI berkembang demi kebaikan bersama serta menghormati maruah setiap insan. Media Vatikan



141 Tahun devosi Maria di Trà Kiệu

VIETNAM: Ribuan umat Katolik berhimpun di Pusat Ziarah Maria Trà Kiệu di Keuskupan Da Nang bagi meraikan ulang tahun ke-141 devosi kepada Bonda Maria Trà Kiệu, sambil memperbaharui komitmen untuk membawa harapan kepada golongan miskin, tersisih dan mereka yang sering dilupakan masyarakat.

Perhimpunan tahunan yang berlangsung pada penghujung Mei itu memperingati tradisi tempatan yang percaya bahawa Bonda Maria telah melindungi umat Kristian di Trà Kiệu ketika penganiayaan terhadap orang Kristian pada tahun 1885.

Hingga hari ini, Trà Kiệu kekal sebagai salah satu pusat ziarah Maria terpenting di Vietnam dan menjadi simbol ketabahan iman umat Katolik negara itu.

Dengan tema "Maria, Teladan Murid Misionari", para peziarah diajak mencontohi kesediaan Bonda Maria yang segera pergi membantu Elisabet selepas menerima panggilan Tuhan.

Dalam refleksinya, Fr Bonaventura Mai Thai mengingatkan bahawa selepas berkata "ya"

kepada kehendak Tuhan, Maria tidak menyimpan rahmat itu untuk dirinya sendiri, sebaliknya membawa Kristus kepada orang lain melalui pelayanan dan kasih.

Semasa perarakan Maria, Uskup Agung Joseph Đặng Đức Ngân turut mengajak umat menjadi murid misionari yang membawa iman, harapan dan kasih kepada dunia yang sedang berhadapan pelbagai cabaran, termasuk konflik, perpecahan dan kesukaran hidup.

Dalam Misa penutupan, beliau menegaskan bahawa iman Kristian perlu diterjemahkan melalui tindakan nyata.

Umat digesa menghulurkan kasih tanpa mengira kedudukan, kekayaan atau latar belakang seseorang, serta menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang miskin, terpinggir dan belum mengenali kasih Tuhan.

Beliau turut mengingatkan bahawa devosi kepada Bonda Maria tidak seharusnya terhad kepada doa dan perayaan tahunan semata-mata.

Sebaliknya, penghormatan kepada Maria perlu mendorong umat untuk semakin setia kepada Kristus

dan lebih peka terhadap keperluan sesama manusia.

Menurutnya, Maria menunjukkan contoh seorang murid yang sentiasa mendengar Sabda Tuhan dan bertindak dengan penuh keberanian serta kasih.

Ziarah itu turut menghimpunkan para paderi, religius dan umat awam dari pelbagai keuskupan di Vietnam.

Selain perayaan Ekaristi, para peziarah mengambil bahagian dalam doa rosari, perarakan lilin dan pelbagai aktiviti rohani yang menekankan pembaharuan iman serta semangat misionari.

Melalui ziarah ini, umat Katolik Vietnam diingatkan bahawa setiap orang dipanggil menjadi saksi Kristus dalam kehidupan harian dengan membawa damai, kerendahan hati, pelayanan dan harapan kepada mereka yang memerlukan.

Dalam dunia yang semakin mencabar, teladan Bonda Maria terus menjadi inspirasi kepada umat untuk melangkah keluar daripada zon selesa dan menghadirkan kasih Tuhan kepada mereka yang paling memerlukan perhatian dan pertolongan. LICAS News



VATIKAN: Sri Paus Leo XIV telah melantik Maria Montserrat Alvarado sebagai Prefek Dikasteri untuk Komunikasi Vatikan, menjadikannya wanita awam pertama yang memegang jawatan

Wanita awam pertama terajui komunikasi Vatikan

tersebut dalam sejarah Takhta Suci.

Pelantikan itu akan berkuat kuasa pada November 1, 2026. Alvarado, yang kini berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Operasi EWTN News, akan menggantikan Paolo Ruffini yang bakal bersara selepas menerajui dikasteri berkenaan sejak tahun 2018.

Dikasteri untuk Komunikasi bertanggungjawab menyelaras pelbagai saluran media Vatikan termasuk *Vatican News*, Radio Vatikan, *L'Osservatore Romano* dan platform komunikasi digital Gereja. Berasal dari Mexico, Alvarado mempunyai pengalaman luas dalam bidang media, komunikasi dan advokasi kebebasan beragama.

Pelantikannya dilihat sebagai satu lagi langkah penting dalam usaha memperluas peranan umat

awam dalam kepimpinan Gereja sejagat.

Keputusan Sri Paus Leo XIV ini juga dianggap meneruskan pembaharuan yang telah membuka lebih banyak ruang kepada wanita dan umat awam untuk menyumbang dalam pentadbiran Vatikan.

Dengan pengalaman luas dalam dunia media Katolik, Alvarado dijangka memainkan peranan penting dalam memperkukuh misi evangelisasi Gereja melalui komunikasi moden dan teknologi digital.

Dalam reaksinya terhadap pelantikan tersebut, beliau menyatakan rasa syukur atas kepercayaan yang diberikan oleh Sri Paus dan berjanji untuk melaksanakan tugas baharunya dengan semangat pelayanan demi menyokong pewartaan Injil kepada dunia. Media Vatikan



Liturgi jalan bagi kita mengalami rahmat Tuhan

VATIKAN: Dalam dunia yang sentiasa sibuk dan dipenuhi pelbagai tuntutan hidup, liturgi mengajak kita untuk berhenti sejenak dan kembali kepada perkara yang benar-benar penting dalam kehidupan rohani. Demikian ditegaskan oleh Sri Paus Leo XIV semasa Audiensi Umum pada Jun 3, di Dataran Santo Petrus.

Meneruskan siri katekesisnya mengenai dokumen-dokumen Konsili Vatikan II (KV II), Sri Paus kali ini memberi tumpuan kepada *Sacrosanctum Concilium*, Perlembagaan mengenai Liturgi Suci yang diisytiharkan pada tahun 1963.

Dokumen ini merupakan teks pertama yang diluluskan oleh KV II dan menjadi asas kepada pembaharuan liturgi dalam Gereja Katolik.

Sri Paus menjelaskan bahawa ritus liturgi, bersama tanda serta simbol yang terkandung di dalamnya, membantu manusia melepaskan diri daripada kesibukan yang tidak berkesudahan serta membuka ruang untuk bertemu dengan Kristus.

“Dalam kesederhanaan dan keteraturan ritus liturgi, kita diajak meninggalkan seketika segala kesibukan yang sering menguasai hidup kita, lalu kembali kepada apa yang sungguh penting,” katanya.

Menurut beliau, liturgi memperkenalkan satu cara hidup yang berbeza daripada logik dunia yang sentiasa mengejar hasil dan produktiviti.

Dalam perayaan liturgi, umat beriman belajar menghargai rahmat Tuhan yang mendahului segala usaha manusia.

Di sana juga mereka menemukan rehat yang menyegarkan jiwa serta irama kehidupan yang dipimpin oleh Roh Kudus.

Sri Paus Leo turut mengingatkan bahawa pembaharuan liturgi yang diperkenalkan oleh KV II bukan sekadar perubahan luaran atau susunan upacara semata-mata. Sebaliknya, ritus Gereja merupakan sarana yang digunakan Tuhan untuk menyampaikan rahmat-Nya kepada umat.

Ritus bukan sekadar rangkaian doa dan gerakan yang diulang-ulang, tetapi membentuk kehidupan rohani umat beriman. Melaluinya, kita dibimbing untuk semakin peka terhadap kehadiran Tuhan yang berkarya dalam diri kita melalui Yesus Kristus.

Namun demikian, Sri Paus menegaskan bahawa semua ini hanya dapat dialami apabila umat mengambil bahagian secara aktif dalam liturgi.

Beliau mengingatkan agar umat tidak

hadir sebagai pemerhati yang pasif atau sekadar menyaksikan apa yang berlaku di hadapan altar.

Sebaliknya, setiap orang dipanggil untuk terlibat sepenuhnya — dengan tubuh, akal budi dan hati.

Melalui penyertaan aktif itu, umat dibenut untuk mendengar Sabda Tuhan, mengucap syukur, menyembah Tuhan, berkongsi dalam persaudaraan serta menghayati persekutuan Gereja. Walaupun datang daripada latar belakang yang berbeza, mereka dipersatukan oleh iman yang sama.

Sri Paus juga mengakui bahawa struktur liturgi yang tersusun kadangkala bertentangan dengan kecenderungan manusia yang lebih menyukai “sesuatu yang semula jadi”. Namun, keteraturan itu sebenarnya membantu umat memasuki misteri iman dengan lebih mendalam.

Dalam bahagian akhir renungannya, Sri Paus menyoroti kepentingan tanda dan simbol dalam liturgi.

Menurut beliau, unsur-unsur seperti air, minyak, cahaya, dupa, roti dan anggur bukan sekadar benda biasa, tetapi menjadi lambang yang membawa manusia kepada realiti yang lebih mendalam. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Berani bermula sekali lagi

Kadang-kadang dalam hidup, Tuhan mengajak kita melangkah ke tempat yang baharu, mempelajari kemahiran baharu, atau memulakan sesuatu yang belum pernah kita lakukan. Namun, menjadi seorang pemula bukanlah perkara yang mudah.

Kita takut melakukan kesilapan dan bimbang tidak cukup baik. Namun melalui pengalaman itu, Tuhan mengajar kita tentang kerendahan hati, keberanian dan kepercayaan kepada penyelenggaraan-Nya.

Berikut ialah beberapa cadangan yang dapat membantu kita berani bermula sekali lagi dengan penuh harapan dan iman.

1. Terima bahawa anda tidak perlu mahir dari hari pertama

Ramai orang tidak bermula kerana takut



gagal. Hakikatnya, setiap pakar pernah menjadi seorang pemula.

2. Berani membuat kesilapan

Kesilapan bukan tanda kegagalan, tetapi tanda bahawa anda sedang belajar dan berkembang.

3. Tinggalkan rasa malu

Jangan biarkan fikiran seperti “orang akan ketawakan saya” menghalang anda daripada mencuba perkara baharu.

4. Mulakan dengan langkah kecil

Tidak perlu mengubah seluruh hidup dalam sehari. Satu langkah kecil hari ini lebih baik daripada rancangan besar yang tidak pernah dimulakan.

5. Belajar dengan hati yang rendah

Seorang pemula sentiasa mempunyai ruang untuk belajar. Kerendahan hati membuka pintu kepada pertumbuhan.

6. Jangan bandingkan diri dengan orang lain

Bandingkan diri anda dengan siapa anda semalam, bukan dengan orang yang telah bertahun-tahun berada di hadapan anda.

7. Percayalah bahawa Tuhan sedang membimbing proses itu

Kadang-kadang Tuhan tidak menunjukkan

seluruh jalan. Dia hanya meminta kita mengambil langkah pertama dengan iman.

8. Bersedia keluar dari zon selesa

Pertumbuhan jarang berlaku dalam keadaan yang selesa. Perkara baharu sering terasa janggal pada awalnya.

9. Fokus pada kemajuan, bukan kesempurnaan

Tanyalah diri sendiri: “Adakah saya lebih baik sedikit daripada minggu lalu?” bukan “Adakah saya sudah sempurna?”

10. Ingat bahawa setiap hari adalah peluang baharu

Dengan Tuhan, tiada siapa yang terlalu tua, terlalu lambat, atau terlalu gagal untuk memulakan semula. Rahmat-Nya sentiasa memberi peluang untuk bermula lagi.

Fikirkan:

Kadang-kadang perkara paling berani yang boleh kita lakukan bukanlah menjadi yang terbaik, tetapi menjadi seorang pemula sekali lagi.

Apabila kita berani belajar, jatuh, bangun dan mencuba semula, kita memberi ruang kepada Tuhan untuk membentuk sesuatu yang baharu dalam hidup kita. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Klerikalisme dalam kalangan awam

Apabila mendengar perkataan *klerikalisme*, ramai yang segera membayangkan paderi, uskup atau golongan klerus yang terlalu menekankan kuasa dan kedudukan mereka. Namun hakikatnya, klerikalisme bukanlah masalah yang terhad kepada golongan tertahbis sahaja.

Hakikat yang lebih mendalam ialah bagaimana kuasa boleh membentuk budaya sesebuah institusi dan mempengaruhi hubungan antara manusia.

Dalam Gereja hari ini, klerikalisme sering dibincangkan sebagai kecenderungan untuk meletakkan golongan klerus pada kedudukan yang terlalu tinggi sehingga suara umat awam diketepikan. Namun jika kita melihat dengan lebih jujur, sikap yang sama juga boleh muncul dalam kalangan umat awam yang memegang jawatan, mempunyai pengaruh atau menguasai struktur tertentu dalam kehidupan Gereja.

Apabila seseorang mula merasakan dirinya lebih penting daripada orang lain, enggan menerima teguran, menutup ruang perbincangan, atau mengangap pandangannya sentiasa betul, benih-benih klerikalisme sebenarnya sudah mula bertumbuh. Pada saat itu, isu yang dihadapi bukan lagi tentang gelaran atau jawatan, tetapi tentang cara kuasa digunakan.

Sri Paus Fransiskus berulang kali mengingatkan bahawa klerikalisme merosakkan semangat pelayanan dalam Gereja. Ia menjadikan kuasa sebagai alat untuk mengawal, bukannya sarana untuk melayani. Apabila ini berlaku, komuniti kehilangan keupayaan untuk mendengar antara satu sama lain, manakala keputusan sering dibuat oleh segelintir individu tanpa melibatkan seluruh umat Tuhan.

Dalam semangat Sinodal yang sedang dihayati oleh Gereja sejagat, setiap orang dipanggil untuk berjalan bersama. Ini menuntut kerendahan hati untuk mendengar, kesediaan untuk berdialog, dan keberanian untuk mengiktiraf bahawa Roh Kudus juga berkarya melalui orang lain.

Cabaran sebenar bukan sekadar menghapuskan klerikalisme dalam kalangan klerus, tetapi juga mengenal pasti bentuk-bentuk klerikalisme yang mungkin tersembunyi dalam diri kita sendiri. Kadangkala ia muncul dalam bentuk keinginan untuk mengawal, ketakutan untuk berkongsi tanggungjawab, atau kecenderungan untuk memonopoli keputusan.

Gereja yang benar-benar sinodal bukanlah Gereja yang dikuasai oleh segelintir individu, sama ada mereka paderi atau umat awam. Sebaliknya, ia adalah komuniti yang dibina atas semangat persekutuan, penyertaan dan misi bersama.

Pada akhirnya, penawar kepada klerikalisme ialah semangat pelayanan yang dicontohkan oleh Kristus sendiri. Yesus tidak datang untuk dilayani, tetapi untuk melayani. Semakin kita meneladani sikap-Nya, semakin kita mampu membina Gereja yang mencerminkan wajah Kristus — Gereja yang mendengar, menghargai setiap orang, dan berjalan bersama sebagai satu keluarga Tuhan. **Mark Saludes**

Mark Saludes ialah Editor Pengurusan LiCAS News dan wartawan berpangkalan di Manila yang melaporkan isu hak asasi manusia, keadilan sosial, alam sekitar dan komuniti berasaskan iman di Asia.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498

UNTUK NILAI-NILAI DALAM SUKAN:
Marilah kita berdoa agar sukan menjadi alat perdamaian, pertemuan dan dialog antara budaya serta bangsa, dan agar sukan terus memupuk nilai-nilai seperti hormat-menghormati, solidariti dan perkembangan peribadi.

Anak Kenyah pertama ikrar kaul kekal Kapusin

CHERAS: Bro Pius menjadi anak Kenyah pertama yang mengikrarkan aul kekal dalam Ordo Kapusin sekaligus menandakan komitmen seumur hidupnya untuk mengabdikan diri kepada Tuhan dan Gereja.

Upacara penuh bermakna itu berlangsung di Gereja St Francis of Assisi dan dipimpin oleh Fr Gilbert James OFM Cap, Kustos bagi Kustodi Kapusin Malaysia-Singapura, dengan dihadiri hampir semua paderi Kapusin di Malaysia serta para biarawan dan umat yang hadir untuk menyaksikan detik istimewa tersebut.

Berasal dari Long Terawan di Keuskupan Miri, Bro Pius menjadi

individu pertama daripada etnik Kenyah yang melangkah ke tahap kaul kekal kehidupan religius dalam keluarga Kapusin.

Peristiwa itu bukan sahaja membanggakan keluarganya, malah menjadi sumber inspirasi kepada komuniti asalnya dan Gereja tempatan.

Dalam homilinya, Fr Gilbert mengingatkan bahawa panggilan hidup religius menuntut keberanian untuk terus bertumbuh dalam iman dan kesediaan untuk menyerahkan diri sepenuhnya kepada kehendak Tuhan.

“Dalam dunia yang sentiasa mengejar kuasa, pengaruh dan kejayaan material, seorang biarawan

dipanggil untuk menjadi saksi bahawa Tuhan sahaja sudah mencukupi,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa kehidupan yang dibaktikan kepada Tuhan bukan sekadar meninggalkan sesuatu demi Kristus, tetapi juga menerima panggilan untuk melayani sesama manusia dengan kasih dan kerendahan hati.

Selepas mengikrarkan Kaul Sementara selama beberapa tahun, Bro Pius telah melalui tempoh pembentukan yang panjang dan mendalam.

Beliau turut mengikuti pembelajaran falsafah serta menjalani pelbagai bentuk pelayanan pastoral yang membentuk dirinya sebagai seorang religius.

Dalam ucapan syukurnya, Bro Pius meluahkan rasa terima kasih kepada Tuhan atas rahmat dan bimbingan yang diterimanya sepanjang perjalanan panggilan hidup tersebut.

“Saya amat bersyukur kerana Tuhan telah memanggil saya dan tidak pernah meninggalkan saya sepanjang perjalanan ini. Tanpa kasih dan penyertaan-Nya, saya tidak mungkin sampai ke tahap ini,” katanya.

Bro Pius turut merakamkan peng-



hargaan kepada ibu bapanya, Peter Kallang dan Maria Usul, serta ahli keluarga yang sentiasa menyokong dan mendoakannya sejak awal panggilannya.

Selain itu, beliau turut mengenang para pembimbing, paderi, biarawan dan sahabat yang telah membantu membentuk dirinya sepanjang proses pembentukan, termasuk ketika menjalani formasi di Malaysia, Singapura dan Filipina.

Fr Gilbert dalam pesanan penutupnya menggalakkan golongan muda untuk membuka hati terhadap panggilan Tuhan, sama ada sebagai imam, religius mahupun dalam kehidupan berkeluarga.

“Jika Tuhan memanggil, jawablah dengan murah hati. Jangan biarkan ketakutan atau keselesaan menghalang anda daripada me-

langkah mengikut kehendak-Nya,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa Gereja sentiasa memerlukan lelaki dan wanita yang sanggup mempersembahkan hidup mereka demi Kristus serta pelayanan kepada umat.

Majlis tersebut diakhiri dengan jamuan persaudaraan yang menghimpunkan para religius, ahli keluarga dan umat yang hadir untuk meraikan detik bersejarah itu.

Kaul kekal Bro Pius bukan sahaja menjadi pencapaian peribadi, tetapi juga lambang harapan baharu bagi komuniti Kenyah dan Gereja di Malaysia. Ia menjadi bukti bahawa Tuhan terus memanggil dan membangkitkan pekerja untuk tuaian-Nya daripada setiap bangsa, budaya dan latar belakang.



CLS kongsi pengetahuan hak-hak Asasi

MENTAKAB: Persatuan Peguam Katolik Kuala Lumpur (*Catholic Lawyers Society* Kuala Lumpur, CLS) yang selama ini aktif memperjuangkan pelbagai isu yang memberi kesan kepada masyarakat, baru-baru ini dijemput ke Gereja *Our Lady of Perpetual Help* untuk menyampaikan ceramah bertajuk “Perlindungan Perlembagaan: Kepentingan Hak Asasi”.

Ceramah tersebut diadakan susulan kebimbangan yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat berhubung isu seperti kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, kes berkaitan pertukaran agama, serta pelbagai situasi yang melibatkan pencabulan hak dan kebebasan asasi.

Program tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran umat mengenai hak perlembagaan dan kebebasan asasi melalui perkongsian serta sesi soal jawab bersama para peguam CLS.

Sesi di Mentakab berlangsung dalam suasana yang tenang dan mesra, jauh daripada kesibukan kota.

Persekitaran yang nyaman memberi peluang kepada para peserta untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada perbincangan dan perkongsian ilmu.

Ceramah tersebut disampaikan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu oleh lima orang penceramah utama, iaitu Kevin De Rozario, Annou Xavier, Edwin Tan, Calista Chin dan Cynthia Gunasekaran.

Para peserta menunjukkan minat yang tinggi terhadap topik yang dibincangkan kerana banyak isu yang diketengahkan berkait rapat dengan realiti kehidupan masa kini.

Bagi sesetengah peserta, sesi tersebut menjadi peringatan agar lebih berhati-hati dalam membuat keputusan, khususnya yang melibatkan agama dan hak perlembagaan.

Berdasarkan pengalaman luas mereka dalam mengendalikan pelbagai kes berkaitan undang-undang dan hak asasi, para penceramah berjaya menjawab pelbagai persoalan yang dibangkitkan oleh hadirin secara jelas dan menyeluruh.

Kevin De Rozario, yang merupakan Presiden CLS, bersama Naib Presiden Annou Xavier turut meluahkan masa menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan oleh peserta. Antara topik utama yang dibincangkan ialah kebebasan beragama dan peruntukan berkaitan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Para peserta diberikan penerangan mengenai Perkara 3(1) yang

menjamin hak penganut bukan Islam untuk mengamalkan agama masing-masing secara aman dan bebas daripada gangguan.

Pada masa yang sama, Perkara 11(4) turut dijelaskan, khususnya berkaitan sekatan terhadap penyebaran agama lain kepada orang Islam.

Selain isu kebebasan beragama, ceramah itu turut menghuraikan pelbagai hak yang dijamin Perlembagaan Persekutuan, termasuk hak kesamarataan, kebebasan bersuara, berhimpun, berserikat dan kewarganegaraan.

Isu kewarganegaraan dan kanak-kanak tanpa kerakyatan turut diberi perhatian, dengan peserta menerima penjelasan mengenai peruntukan serta prosedur berkaitan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sesi tersebut turut membincangkan hak bumiputera serta masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak, termasuk isu berkaitan hak tanah adat.

Ceramah diakhiri dengan perbincangan mengenai isu pertukaran agama yang disampaikan oleh Cynthia Gunasekaran.

Secara keseluruhannya, program tersebut berjaya meningkatkan pemahaman peserta mengenai hak perlembagaan dan kebebasan asasi.

Komunikasi beretika dalam era AI

KOTA KINABALU: Gereja Divine Mercy hari ini menyertai komuniti Katolik di seluruh dunia dalam merayakan Hari Komunikasi Sosial Sedunia ke-60. Misa Kudus yang penuh kesyukuran ini dipimpin oleh Fr Sylvester Wong.

Dalam khutbahnya, Fr Sylvester menekankan pesanan rasmi Sri Paus Leo XIV, yang membawa tema “Memelihara Suara dan Wajah Manusia”.

Tema ini merupakan satu seruan penting dalam mendepani cabaran etika era Kecerdasan Buatan (AI) dan automasi digital masa kini.

Fr Sylvester mengingatkan umat bahawa suara dan wajah manusia adalah ungkapan unik martabat setiap insan yang dicipta mengikut

imej Tuhan.

“Teknologi canggih seperti AI harus berfungsi untuk meningkatkan hubungan sesama manusia dan bukannya mengikis keaslian interaksi atau memanipulasi kebenaran,” tegas beliau.

Paderi itu turut menyeru komuniti iman agar menggunakan media sosial sebagai alat pembina keamanan dan dialog yang penuh empati, bukan sebagai medan pertelingkahan kata-kata.

Perayaan diakhiri dengan doa dan pemberkatan khas buat pengamal media, anggota SOCCOM serta seluruh umat

agar sentiasa beretika dalam menggunakan media sosial demi kemuliaan Tuhan. **Stanley Ung**

